

PRUElite Flex

Mengembangkan kekayaan
merentasi generasi.

Anda inspirasi kami



Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah sijil/polisi yang layak adalah dilindungi oleh Perbadanan Insurans Deposit Malaysia ("PIDM") sehingga had perlindungan. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans ("TIPS") PIDM atau hubungi Prudential Assurance Malaysia Berhad atau PIDM (layari www.pidm.gov.my).

Prudential Assurance Malaysia Berhad 198301012262 (107655-U)
Ahli PIDM

PRUElite Flex ialah satu penyelesaian yang menawarkan pendapatan seumur hidup yang dijamin dan fleksibel, sejajar dengan cita-cita semasa anda dan mampu berkembang mengikut keperluan masa depan anda. Sama ada anda melabur semula untuk pertumbuhan masa depan atau merancang pemindahan kekayaan merentasi generasi, nilai anda akan sentiasa menjadi keutamaan dalam setiap keputusan.

Mengembangkan kekayaan merentasi generasi, kerana anda inspirasi kami.

Bentuk kekayaan anda dengan kelebihan FLEX

F

Pendapatan Seumur Hidup Fleksibel Yang Dijamin

Terima atau laburkan semula pendapatan tahunan terjamin ("FlexIncome") anda sehingga umur 100 tahun.

L

Pemindahan legasi merentasi generasi

Fleksibiliti untuk memecahkan pelan anda kepada polisi berbeza, yang mengagihkan kekayaan mengikut keperluan dan matlamat anda.

E

Daftar dengan Tawaran Pengeluaran Terjamin (GIO)

Tiada soalan kesihatan ditanya dan tiada pengunderaitan kewangan diperlukan.

X

Maksimumkan pulangan anda dengan pelbagai dana pilihan

Dapatkan potensi pulangan yang lebih tinggi dengan dana global dan tempatan kami yang diurus secara profesional.

Tertakluk pada terma dan syarat.

Bentuk Kekayaan Anda Dalam 4 Langkah Mudah



Langkah 1

Tentukan jumlah premium anda secara fleksibel mengikut had yang ditetapkan, dan pilih tempoh bayaran selama 5, 10, atau 20 tahun. Anda juga boleh memilih untuk membuat bayaran sekaligus pada kadar khas.



Langkah 2

Nikmati pendapatan tahunan FlexIncome yang dijamin bermula dari tahun polisi pertama, sehingga umur 80 atau 100 tahun.

Untuk Tempoh Perlindungan sehingga umur 80 tahun, jumlah FlexIncome tahunan yang dibayar adalah seperti berikut:

Akhir tahun polisi	FlexIncome yang akan dibayar (% Premium Tahunan Asas)		
	5 tahun	10 tahun	20 tahun
1			25.0%
2 – 6	12.5%	22.5%	30.0%
7 – 30			45.0%
31 – 60	15.0%	25.0%	
61 – 79	20.0%	35.0%	60.0%

Untuk Tempoh Perlindungan sehingga umur 100 tahun:

Jika umur kemasukan anda ialah 55 tahun dan ke bawah, jumlah FlexIncome tahunan yang dijamin adalah seperti berikut:

Akhir tahun polisi	FlexIncome yang akan dibayar (% Premium Tahunan Asas)		
	5 tahun	10 tahun	20 tahun
1			25.0%
2 – 6	12.5%	22.5%	30.0%
7 – 10			45.0%
11 – 30	13.5%	25.0%	46.0%
31 – 40	15.0%	30.0%	47.5%
41 – 60	17.5%	32.5%	
61 – 99	22.5%	42.5%	62.5%

Jika umur kemasukan anda ialah antara 56 hingga 70 tahun, jumlah FlexIncome tahunan yang dijamin adalah seperti berikut:

Akhir tahun polisi	FlexIncome yang akan dibayar (% Premium Tahunan Asas)		
	5 tahun	10 tahun	20 tahun
1 – 30	10.0%	20.0%	Tidak Berkenaan
31 – 44	17.5%	35.0%	

Sesuaikan FlexIncome anda dalam gandaan 10% pada bila-bila masa untuk selari dengan matlamat anda, sama ada untuk pembayaran berkala, pelaburan semula, atau gabungan sehingga 100%.

Pembayaran berkala terus kepada anda

40%


60%

Dilaburkan semula dalam dana untuk pertumbuhan



Langkah 3

Pindahkan polisi anda dengan lancar melalui Opsyen Polisi Pecahan¹ selepas melengkapkan tempoh pembayaran premium. Anda boleh memecahkan pelan anda sebanyak 2 kali, dengan setiap kali pemecahan menghasilkan sehingga 4 polisi baharu — memberi anda fleksibiliti untuk mengurus sehingga 16 polisi secara keseluruhan.



Selain itu, anda boleh melanjutkan polisi melalui Hayat yang Diinsuranskan Ganti dan/atau Pemegang Polisi Ganti selepas individual asal meninggal dunia — memastikan sokongan berterusan untuk orang tersayang anda.



Langkah 4

Nikmati ganjaran Manfaat Kematangan Terjamin, berserta sebarang potensi pulangan tambahan daripada FlexIncome anda yang dilaburkan semula.

Tempoh Perlindungan	Manfaat Kematangan (% Premium Tahunan Asas)		
	5 tahun	10 tahun	20 tahun
Umur 80	450%	850%	1,200%
Umur 100	500%	1,000%	1,500%

Manfaat Kematian²

Sekiranya berlaku kematian sebelum polisi matang dan tiada Hayat yang Diinsuranskan Ganti yang telah dilantik, Manfaat Kematian akan dibayar. Jumlah Manfaat Kematian adalah nilai yang lebih tinggi antara:

- > 105% daripada Jumlah Premium Asas Dibayar (tidak termasuk premium rider), ditolak sebarang FlexIncome yang telah dibayar; atau
- > Nilai Serahan Dijamin tambah Nilai Akaun Unit Pelaburan (IUA) (jika ada) pada waktu kematian.

Nota:

- Duti setem pada kadar semasa mungkin dikenakan untuk Opsyen Polisi Pecahan.
- Untuk kematian bukan akibat kemalangan dalam 2 tahun pertama, Jumlah Premium Asas yang telah dibayar (tidak termasuk premium rider) akan dibayar bersama nilai akaun IUA (jika ada), tolak sebarang FlexIncome yang telah dibayar.

Jika Hayat yang Diinsuranskan Ganti menjadi Hayat yang Diinsuranskan baharu selepas kematian Hayat yang Diinsuranskan asal, Manfaat Ihsan (bersamaan 10% Premium Tahunan Asas, dihadkan pada RM5,000 setiap polisi) akan dibayar bagi menggantikan Manfaat Kematian. Polisi akan diteruskan sehingga tamat Tempoh Perlindungan asal seperti yang telah ditetapkan.



Satu pelan, untuk generasi akan datang

Kenali Sam

Seorang bapa dan usahawan, yang berdedikasi kepada keluarga dan perniagaannya.



Umur 1



Umur 6



Umur 40



Umur 100



Sarah
100%



Seth
50%



Sarah
50%



Seth
50%



Samuel
25%



Samantha
25%

Permulaan pengumpulan kekayaan

Sam membeli PRUElite Flex bagi Sarah selepas kelahirannya.

Premium Asas	Tempoh Premium	Jumlah Premium Asas Dibayar
RM200,000 setahun	5 tahun	RM1,000,000

Pilihan FlexIncome telah diperuntukkan sebagai 100% pelaburan semula untuk pertumbuhan.

"Saya mahu anak perempuan saya membesar dengan impian tanpa batasan."

Keluarga bertambah besar

Tempoh Premium tamat apabila Sarah berumur 5 tahun. Setahun kemudian, adiknya Seth dilahirkan, dan Sam memecahkan polisi itu sama rata antara mereka.

"Saya mahu kedua-dua anak saya mempunyai peluang yang sama."

Merancang untuk generasi seterusnya

Sarah kini mempunyai dua orang anak, Samuel dan Samantha.

Dia memecahkan polisinya sama rata antara mereka. Setiap polisi terus menerima manfaat polisi.

Apabila mereka mencapai umur 25 tahun, pemilikan polisi akan dipindahkan secara automatik kepada setiap seorang daripada mereka.

"Saya mahu mereka meneruskan legasi saya, seperti mana ayah saya lakukan untuk saya."

Lengkapna perjalanan

Selepas Sarah meninggal dunia pada usia 75 tahun, polisi kekal aktif selama 25 tahun lagi sebelum mencapai tempoh matang.

Apabila matang, Seth, Samuel, dan Samantha menerima nilai mengikut bahagian masing-masing:



Seth

Manfaat Kematangan Terjamin
RM500,000

+ **Nilai Akaun**

Tinggi : RM9,461,568
Rendah: RM2,059,634



Samuel

Manfaat Kematangan Terjamin
RM250,000

+ **Nilai Akaun**

Tinggi : RM4,730,784
Rendah: RM1,029,817



Samantha

Manfaat Kematangan Terjamin
RM250,000

+ **Nilai Akaun**

Tinggi : RM4,730,784
Rendah: RM1,029,817

Jumlah nilai yang diterima oleh Seth, Samuel dan Samantha

Manfaat Kematangan Terjamin
RM1,000,000

+ **Nilai Akaun**

Tinggi : RM18,923,136
Rendah: RM4,119,269

"Ayah saya telah membina kekayaan yang kekal melebihi hayatnya. Kini, saya berhasrat untuk membuat demikian juga."

Nota:

1. Senario ini adalah untuk tujuan ilustrasi sahaja dan mengandaikan tiada pengeluaran dilakukan sepanjang tempoh polisi.
2. Pengiraan berdasarkan 100% PRULink Dragon Peacock Fund. Jumlah pulangan tahunan (keuntungan/kerugian bersih) jika dipegang sehingga matang di bawah senario tinggi (kadar pulangan pelaburan pada 5% p.a.) adalah 3.13% p.a., senario rendah (kadar pulangan pelaburan pada 2% p.a.) ialah 1.70% p.a.

Kekayaan peribadi, dengan tujuan bermakna

Kenali Elise

Seorang individu dinamik yang telah berjaya membina kerjaya cemerlang sebagai pemimpin korporat.

Umur 65

30%

RM24,000

RM6,000

Umur 75

RM26,000

RM6,500

Umur 90

32.5%

RM16,250

RM16,250

Manfaat Ihsan
RM5,000

Umur 95

42.5%

RM21,250

RM21,250

Umur 100

Jumlah FlexIncome Diterima + Manfaat Kematangan Terjamin RM1,000,000 + Nilai Akaun Tinggi: RM3,582,200 Rendah: RM1,103,423

Umur 35

22.5%

RM22,500

Umur 45

RM25,000

Umur 60

RM20,000

RM5,000

Melabur untuk kebebasan kewangan

Elise memilih PRUElite Flex untuk menjamin persaraan yang lebih baik.

Premium Asas	Tempoh Premium	Jumlah Premium Asas Dibayar
RM100,000 setahun	10 tahun	RM1,000,000

Dia melabur semula 100% daripada FlexIncome untuk pertumbuhan kekayaan jangka panjang.

"Saya telah membina kejayaan saya atas usaha sendiri, dan saya akan membentuk masa depan saya dengan cara yang sama."

Kehidupan yang bermakna dengan pendapatan tetap

Elise memilih untuk menerima 80% daripada FlexIncome sebagai pendapatan tetap untuk persaraan dan melabur semula 20% untuk kecemasan.

"Masa saya milik saya, dan pendapatan saya fleksibel."

FlexIncome:
Peratusan Pembayaran dan Peruntukan



% Premium Tahunan Asas



Jumlah Pembayaran Berkala



Jumlah Pelaburan Semula



Manfaat Kematangan Terjamin

Legasi diteruskan

Elise meninggal dunia dengan tenang, setelah menamakan anak saudaranya, Elijah, sebagai Hayat yang Diinsuranskan Ganti dan Pemegang Polisi Ganti.

Elijah menerima Manfaat Ihsan sebanyak RM5,000. Dia memilih untuk menerima 50% daripada FlexIncome sebagai bayaran dan melabur semula baki 50% sehingga polisi matang.



Polisi akan matang 10 tahun selepas pemergian Elise, dan ketika itu Elijah akan menerima kedua-dua Manfaat Kematangan dan nilai pelaburan semula.

"Saya menjalani hidup mengikut cara saya sendiri, dan kini saya akan memberi sokongan kepada orang tersayang."

Nota:

1. Senario ini adalah untuk tujuan ilustrasi sahaja dan mengandaikan tiada pengeluaran dilakukan sepanjang tempoh polisi.
2. Pengiraan berdasarkan 100% PRULink Dragon Peacock Fund. Pulangan tahunan terjamin (keuntungan/kerugian bersih) jika dipegang sehingga matang ialah 1.31% p.a. Jumlah pulangan tahunan (keuntungan/kerugian bersih) jika dipegang sehingga matang di bawah senario tinggi (kadar pelaburan sebanyak pulangan pada 5% p.a.) ialah 3.10% p.a., senario rendah (kadar pelaburan pulangan pada 2% p.a.) ialah 2.10% p.a.

**Lindungi pencapaian anda dan cipta peluang untuk masa depan dengan PRUElite Flex.
Hubungi Perancang Kekayaan Prudential kami hari ini atau layari
www.prudential.com.my untuk maklumat lanjut.**

Nota Penting & Penafian

1. **PRUElite Flex** adalah pelan insurans tanpa penyertaan dengan premium berkala yang menggabungkan perlindungan dan simpanan, diunderait oleh Prudential Assurance Malaysia Berhad ("PAMB") 198301012262 (107655-U), yang dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia.
2. Kadar premium untuk pelan asas adalah dijamin. Walau bagaimanapun, kadar premium untuk rider pilihan adalah tidak dijamin. Prudential berhak menyemak semula kadar premium rider ini pada ulang tahun polisi dengan memberi notis 90 hari terlebih dahulu.
3. Pembelian polisi hayat ialah satu komitmen kewangan jangka panjang. Anda hendaklah memastikan bahawa polisi ini menepati keperluan anda dan memastikan bahawa anda mampu membayar premium yang perlu dibayar di bawah polisi ini. Untuk mencapainya, kami mengesyorkan anda supaya menghubungi Perancang Kekayaan Prudential anda yang akan membuat analisis keperluan dan membantu anda dalam membuat keputusan termaklum. Anda juga boleh menghubungi terus syarikat insurans untuk maklumat lanjut.
4. Risalah ini hanya mengandungi keterangan ringkas produk dan adalah tidak lengkap. Anda dinasihatkan supaya merujuk Lampiran Keterangan Produk **PRUElite Flex**, Ilustrasi Produk dan Lembaran Fakta Dana (jika ada) sebelum membeli sesuatu polisi, serta merujuk kepada terma-terma dan syarat-syarat dalam dokumen polisi untuk butir-butir mengenai ciri-ciri dan manfaat-manfaat, pengecualian-pengecualian dan tempoh menunggu di bawah polisi ini.
5. Tempoh rujukan percuma selama 15 hari diperuntukkan dari tarikh polisi dihantar kepada anda untuk membolehkan anda mengkaji sama ada polisi tersebut memenuhi keperluan anda. Jika polisi dibatalkan dalam tempoh ini, kami akan membayar balik premium dan cukai (jika ada) yang telah dibayar, tolak dengan sebarang kos pemeriksaan perubatan yang telah dibayar atau dipersetujui untuk dibayar.
6. **PRUElite Flex** dan rider-ridernya yang boleh dilampirkan (jika ada) bukan produk patuh Syariah.
7. Sekiranya premium tidak dibayar dalam tempoh tangguh selama satu bulan, polisi mungkin akan luput kecuali terdapat unit mencukupi dalam Akaun Unit Pelaburan (IUA) atau polisi telah memperoleh nilai serahan. Jika terdapat unit mencukupi dalam IUA, premium akan ditolak melalui penebusan unit. Jika unit tidak mencukupi, tiada penebusan unit akan dibuat dan nilai tunai yang ada akan digunakan untuk membayar premium melalui Skim Pinjaman Premium Automatik berdasarkan kadar faedah semasa yang ditetapkan oleh PAMB. Jika nilai tunai masih tidak mencukupi untuk membayar premium tertunggak atau hutang lain dengan PAMB, polisi akan luput.
8. Anda boleh menyerahkan polisi ini pada bila-bila masa. Namun, jika penyerahan dibuat dalam tahun-tahun awal, jumlah yang diterima mungkin kurang daripada jumlah premium yang telah dibayar. Setelah diserahkan, nilai serahan akan dibayar dan semua manfaat polisi akan ditamatkan.
9. Sebarang rujukan umur adalah berasaskan Umur Pada Hari Jadi Akan Datang.
10. Sekiranya versi Bahasa Inggeris, Bahasa Melayu dan Bahasa Cina bagi risalah ini mempunyai sebarang percanggahan atau tidak konsisten, versi Bahasa Inggeris bagi risalah ini akan diutamakan dan digunakan.